



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang professional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai kami

TARIKH IKLAN: 07 April 2017

JAWATAN

PEMBANTU HASIL (PERCUKAIAN & OPERASI) - TETAP

KELAYAKAN MEMOHON

Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 30 tahun pada tarikh tutup iklan.

Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

atau

Bekas Konstabel Polis Diraja Malaysia atau Prebet / Perajurit Muda Angkatan Tentera Malaysia yang telah disahkan dan mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

dan

Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus ujian lisan), Matematik dan Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

KELAYAKAN TAMBAHAN YANG DIPERLUKAN

Selain sihat tubuh badan, calon hendaklah mempunyai kelayakan tambahan seperti berikut-

- a) Tinggi sekurang-kurangnya 1.63m bagi lelaki dan 1.57m bagi wanita tanpa bersepatu.

BERSAMA MEMBANGUN NEGARA

- b) Berat badan sekurang-kurangnya 50kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita.
- c) Indeks Jisim Badan (BMI) adalah 19 – 24 mata indeks.
- d) Ukuran dada biasa sekurang-kurangnya 81cm dan menarik nafas 86cm bagi calon lelaki sahaja.
- e) Lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata atau kanta lekap.
- f) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat.
- g) Tidak cacat anggota tubuh badan dan tidak mempunyai masalah kesihatan mental.

Pegawai LHDNM bertaraf tetap yang sedang berkhidmat dan telah disahkan dalam perkhidmatan, layak dipertimbangkan jika:-

- a) Mempunyai kelayakan memohon seperti di atas; dan
- b) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun selepas disahkan dalam perkhidmatan jawatan sekarang.

BIDANG TUGAS

- Mengawal selia tugas-tugas kawalan keselamatan di cawangan;
- Merancang dan mengatur sistem rondaan yang sistematik; dan
- Membantu menjalankan siasatan terhadap pelanggaran keselamatan serta jenayah.

KRITERIA YANG DIPERLUKAN

- Berdaya saing, pemikiran kreatif, dinamik serta matang.
- Bertanggungjawab, proaktif, daya inisiatif yang tinggi dan kemahiran interpersonal yang baik.

- Kebolehan bekerja secara berkumpulan, kemahiran komunikasi yang baik dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

GAJI

RM1,734.00 - RM0.00

CARA MEMOHON

Calon termasuk pegawai LHDNM bertaraf sambilan hendaklah dibuat melalui sistem yang boleh dicapai melalui URL.<https://career.hasil.gov.my/>.

Calon yang merupakan pegawai LHDNM bertaraf tetap hendaklah dibuat melalui sistem yang boleh dicapai melalui URL.<https://spi.hasil.gov.my/>

Permohonan tidak perlu dicetak / dipos ke LHDNM.

MAKLUMAT TEMUDUGA

Nama calon yang berjaya disenarai pendek temu duga akan dimaklumkan di Portal Rasmi LHDNM (ruangan “Kerjaya”).

Pemohon dinasihatkan sentiasa menyemak Portal Rasmi LHDNM untuk mengetahui sebarang perkembangan maklumat terkini berhubung tawaran jawatan berkenaan.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

09 Jun 2017

NOTA

- Calon yang tidak dihubungi dalam tempoh 60 hari dari tarikh tutup iklan, adalah dianggap tidak Berjaya.
- Sekiranya memerlukan penjelasan lanjut, sila emelkan pertanyaan ke alamat: kerjaya@hasil.gov.my.